

Headline	Lagi kilang kitar semula plastik ditutup		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	18
ArticleSize	313 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,017		



Lagi kilang kitar semula plastik ditutup

RASA - Anggota penguatkuasa dari lapan agensi menyerbu sebuah lagi kilang kitar semula plastik di kawasan Perindustrian Zurah, pagi semalam.

Ketika serbuan disertai 100 anggota pada jam 11.50 pagi itu mendapat seramai 15 pekerja sedang melakukan kerja mengasingkan plastik terbuang.

Setiausaha Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Awaluddin Zakaria berkata, perenakan mengesan pengusaha kilang gagal mematuhi syarat lesen apabila timbunan plastik terbuang tidak bertutup.

Menurutnya, tindakan itu menyebabkan kacau ganggu yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lalat selain pencemaran bau.

"Pengusaha kilang turut gagal menyediakan laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA).

"Justeru notis penutupan operasi sementara dikenakan kepada pengusaha kilang dan diberi tempoh tujuh hari bagi menghapuskan kacau ganggu terbabit.

"Kilang ini beroperasi dengan kelulusan sebagai pusat kitar semula plastik sahaja yang sahkan dalam Mesyuarat Bulanan Majlis pada 30 Januari lalu," katanya.

Awaluddin berkata, pengu-



Timbunan plastik terbuang yang menimbulkan kacau ganggu bau dan tempat pembiakan nyamuk.

saha kilang membeli tanah di kawasan perindustrian itu seluas 10 ekar daripada pemilik terdahulu dan mempunyai kelulusan pelan bangunan serta Sijil Kelayakan Menduduki (CF).

Menurutnya, jarak lokasi kilang sejauh 316 meter dari Taman Keruing dan 1,000 meter dari Kampung Rasa Tambahan serta dalam lingkungan 171 meter dengan Sungai Selangor.

"Sekiranya pengusaha tidak mematuhi arahan dikeluarkan di bawah Seksyen 82 Akta Ke-

rajaan Tempatan 1976 (Akta 171) ini, dikhuatiri menimbulkan kacau ganggu bau dan persekitaran.

"Jika terus ingkar, MDHS akan bertindak tegas dengan mendakwa pengusaha kilang di mahkamah," katanya.

Operasi tersebut disertai agensi, Lembaga Urus Air Selangor (Luas), JAS, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Air Selangor, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) dan Jabatan Imigresen.



Awaluddin menunjukkan notis penutupan sementara kepada pengusaha kilang.